

Bengkel pendidikan perkukuh kerjasama

Oleh Azrina Ahzan
bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein akan menyampaikan ucap khas pada Bengkel Memperkukuhkan Kualiti Pendidikan di Asia Tenggara menerusi Rangkaian Kerjasama di Yogyakarta, Indonesia pada Khamis ini, sempena lawatan kerja tiga hari ke republik itu mulai hari ini.

Katanya, bengkel anjuran bersama Sekretariat Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara (Se-

ameo) dan Kementerian Pendidikan Nasional Indonesia (MoNE) itu bertujuan memperkukuhkan rangkaian kerjasama antara Kementerian Pelajaran anggota sekretariat terutama meningkatkan kualiti pendidikan di rantau ini.

"Bengkel akan menjadi landasan kepada peserta negara anggota membincangkan hasil kajian keperluan guru dalam bidang bahasa, sains dan matematik serta menyediakan data asas penubuhan pusat kecemerlangan dalam ketiga-tiga bidang itu," katanya dalam ke-

nyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Hishammuddin yang juga Presiden Seameo berkata, beliau akan mengadakan kunjungan hormat menemui Menteri Pendidikan Nasional Indonesia, Prof Dr Bambang Sidubyo bagi membincangkan isu semasa khususnya cabaran yang dihadapi negara anggota berikutan kenaikan harga minyak dunia.

Katanya, pertemuan diharapkan mengenal pasti implikasi kenaikan harga minyak terhadap sektor pendidikan supaya matlamat yang ditetap-

kan mengikut agenda Pendidikan Untuk Semua (EFA) dicapai menjelang 2015.

"Unesco menetapkan enam matlamat pendidikan di bawah agenda EFA antaranya memenuhi keperluan pembelajaran semua kanak-kanak, remaja dan dewasa menjelang 2015," katanya.

Sehubungan itu, Hishammuddin berkata beliau akan mengadakan lawatan ke tiga Pusat Kecemerlangan Seameo iaitu dua di Jakarta dan satu di Bogor bagi meninjau program pembelajaran terbuka dan pendidikan jarak jauh.